

**PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN •
CENTRE FOR RISK MANAGEMENT, OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH**

Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1
Tarikh : 13 November 2024

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL. 9/ 2024**

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KENDIRI ALAT PEMADAM API

Adalah dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) telah membangunkan Garis Panduan Pemeriksaan Kendiri Alat Pemadam Api sebagai panduan kepada Pegawai Insiden di PTj.

3. Garis panduan ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh Pegawai Insiden bagi menjalankan Pemeriksaan Keselamatan & Kesihatan Tempat Kerja (UKM-SPKPPP-PP08) di bawah Sistem Pengurusan Kualiti Pengajian dan Perkhidmatan (SPKPPP). Untuk makluman YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, dokumen ini juga turut dimuat naik di laman web ROSH-UKM (www.ukm.my/rosh).

Sekian, terima kasih.

"Selamat Bekerja dan Bekerja Dengan Selamat"

Yang benar,



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)



Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

s.k.

-

PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN HJ. TORIMAN

Naib Canselor

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UKM



Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KENDIRI ALAT PEMADAM API

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi pemeriksaan sendiri Alat Pemadam Api (APA) di UKM.

2.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai di semua tempat di bawah tanggungjawab Universiti.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- 3.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)
- 3.3 Malaysia Standard, MS 1539, Specification for Portable Fire Extinguisher
- 3.4 Palcon Engineering & Development Sdn Bhd (<https://www.palcon.com.my>)

4.0 DEFINISI/ SINGKATAN

ISTILAH	DEFINISI
Alat Pemadam Api (APA)	Alat perlindungan kebakaran mudah alih yang digunakan untuk memadamkan atau mengawal kebakaran kecil.
Pegawai Insiden	Kakitangan UKM yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) bagi menyelaraskan keselamatan penghuni semasa berlaku insiden kemalangan, kebakaran atau kecemasan di zon masing-masing.

5.0 JENIS-JENIS APA

Umumnya alat pemadam api yang digunakan di UKM:

5.1. Alat Pemadam Serbuk Kering (Kelas A, B, C)

- Agen Pemadam: Serbuk, biasanya Monoammonium Fosfat.
- Kegunaan: Memadam kebakaran yang melibatkan bahan pepejal, cecair mudah terbakar, dan gas mudah terbakar.
- Cara Kerja: Serbuk menyelimuti api dengan melapisi bahan bakar, mengasingkannya daripada oksigen.

5.2. Alat Pemadam Karbon Dioksida (CO₂)

- Agen Pemadam: Gas Karbon Dioksida.
- Kegunaan: Memadam kebakaran yang melibatkan cecair mudah terbakar dan peralatan elektrik.
- Cara Kerja: CO₂ menggantikan oksigen di sekitar api dan menyejukkan api. Ia tidak meninggalkan sisa, menjadikannya sesuai untuk kebakaran elektrik.

6.0 PEMERIKSAAN KENDIRI ALAT PEMADAM API

- 6.1 Pemeriksaan sendiri APA perlu dilakukan oleh Pegawai Insiden yang dilantik secara rasmi oleh UKM.
- 6.2 Menurut Seksyen 29 (5) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341), adalah wajib bagi pemilik perniagaan untuk melengkapkan lot kedai/bangunan mereka dengan peralatan keselamatan kebakaran dan memastikan peralatan tersebut diselenggara setiap tahun.
- 6.3 Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diambil semasa melakukan pemeriksaan:

a) Lokasi Alat Pemadam Api

- i. Pastikan alat pemadam api diletakkan di lokasi yang senang dilihat, berhampiran pintu keluar atau di kawasan berisiko tinggi, serta mudah untuk dicapai bagi membolehkan respons pantas semasa kecemasan.
- ii. Mempunyai papan tanda Alat Pemadam Api
- iii. Mempunyai tatacara penggunaan Alat Pemadam Api.
- iv. APA tidak diletakkan di atas lantai kerana suhu yang sejuk akan menyebabkan serbuk mengeras.
- v. APA tidak digunakan sebagai penyendal pintu.
- vi. APA diletakkan di kawasan yang kering, mempunyai pergerakan udara yang baik, jauh dari cahaya matahari langsung dan suhu tinggi.

b) Pemeriksaan Tekanan

- i. Periksa tolok tekanan alat pemadam api dengan memastikan tekanan berada dalam julat normal iaitu jarum pada tolok tekanan berada di kawasan hijau.
- ii. Tekanan yang terlalu tinggi boleh merosakkan tong alat pemadam api serta komponen. Manakala tekanan yang terlalu rendah menunjukkan kandungan agen pemadam yang tidak mencukupi.
- iii. Jika tekanan melebihi atau jatuh di bawah julat normal, pengecasan semula atau penggantian segera diperlukan.

c) Pemeriksaan Visual

- i. Periksa keadaan fizikal alat pemadam api. Perhatikan sekiranya terdapat tanda-tanda kerosakan seperti kakisan, karat, kebocoran, atau apa-apa tanda kerosakan yang lain.
- ii. Pastikan ikatan pin alat pemadam api masih belum dibuka.

d) Penjagaan Alat Pemadam Api

- i. Goncangkan silinder untuk mengelakkan agen pemadam daripada bergumpal.

e) Penggantian Alat Pemadam Api

- i. Periksa tarikh luput pada pelekat yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba Malaysia.
- ii. Sekiranya didapati tarikh telah luput, segera maklumkan kepada Jabatan Pembangunan Prasarana UKM untuk penggantian baru.

f) Pengisian Semula Alat Pemadam Api

- i. Selepas penggunaan, alat pemadam api memerlukan pengisian semula agen pemadam.
- ii. Segera maklumkan kepada Jabatan Pembangunan Prasarana UKM sekiranya perlukan pengisian semula.

g) Rekod Penyelenggaraan (Kad Alat Pemadam Api)

- i. Pemeriksaan sendiri APA perlu dilakukan dalam tempoh 3 bulan sekali.
- ii. Selepas pemeriksaan sendiri dijalankan, ia perlu direkodkan pada kad Rekod Pemeriksaan Berkala Alat Pemadam Api yang digantung pada APA.

POSTER CAKNA KKP

PEMERIKSAAN KENDIRI ALAT PEMADAM API (APA)



KAEDAH

- Dijalankan oleh Pegawai Insiden UKM.
- Pemeriksaan dibuat tiga (3) bulan sekali (4 kali setahun).
- Dibuat bersama dengan Pemeriksaan Keselamatan Dan Kesihatan Tempat Kerja (PP08).



KRITERIA YANG PERLU DIPERHATIKAN

2.1 LOKASI

- Diletakkan di lokasi yang senang dilihat dan mudah untuk dicapai.
- Mempunyai papan tanda APA dan tatacara penggunaan
- Tidak diletakkan di atas lantai.
- Tidak digunakan sebagai penyendal pintu.

2.2 TEKINAN

- Pastikan tolok tekanan berada di kawasan hijau.

2.3 VISUAL

- Perhatikan sekiranya terdapat tanda-tanda kerosakan seperti kakisan dll.
- Pastikan ikatan pin APA masih belum dibuka.

2.4 TARIKH LUPUT

- Periksa tarikh sah APA pada pelekat yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Maklumkan kepada Jabatan Pembangunan Prasarana UKM sekiranya APA telah tamat tempoh sah penggunaan.

2.5 KAD ALAT PEMADAM API

- Rekodkan maklumat pemeriksaan pada Kad Alat Pemadam Api yang digantung pada APA.

Nota:

Infografik ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Pemeriksaan Kendiri Alat Pemadam Api.



4 PENDIDIKAN BERKUALITI



ILMU, MUTU & BUDI